



كَلِيَّةُ السُّلْطَانِ إِسْمَاعِيلَ بْنِ إِسْمَاعِيلَ فَتْرَ الْجَامِعِيَّةِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْعَالَمِيَّةِ

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)

SULTAN ISMAIL PETRA INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE

Peti Surat 68, Nilam Puri, 15730 Kota Bharu, Kelantan Darulnaim

No. Tel : 609-7129386 / 7129387 Faks : 609-7129444/712 6100

UNIT PELAJAR ANTARABANGSA

PROSES PERMOHONAN BAHARU VISA PELAJAR ANTARABANGSA

1. Dokumen perlu dihantar ke KIAS dalam tempoh sekurang-kurangnya **12 minggu (3 Bulan)** sebelum tarikh pendaftaran diri di KIAS untuk memastikan VAL (Visa Approval Letter) dapat diproses dan diluluskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).
2. Selepas pihak UPA KIAS (Unit Pelajar Antarabangsa) menerima dokumen lengkap beserta dengan bayaran yuran proses daripada pelajar, pihak UPA KIAS akan membuat permohonan visa pelajar ke EMGS (Education Malaysia Global Services). Bayaran boleh dibuat melalui akaun **BIMB 03036010013232** atas nama **KIAS DARULNAIM SDN BHD**.
3. Pelajar perlu membuat pengisytiharan kesihatan di Negara asal (Menggunakan borang *Health Declaration Form* yang disediakan oleh EMGS) dan perlu menghantar laporan pengisytiharan kesihatan tersebut kepada UPA KIAS dengan segera.
4. Pihak UPA akan mendaftar permohonan visa pelajar secara online dan membuat bayaran kepada pihak EMGS untuk pemprosesan. Dokumen lengkap yang dihantar akan disemak dan diproses oleh pihak EMGS. Setelah dokumen yang dihantar mendapat sokongan EMGS, pihak EMGS akan menghantar dokumen pelajar kepada pihak JIM Putrajaya untuk mendapatkan surat VAL.
5. Pihak EMGS akan memaklumkan sekiranya surat VAL telah Berjaya diproses melalui emel rasmi UPA dan akan dihantar kepada pihak UPA KIAS. Pihak UPA KIAS kemudiannya akan memaklumkan dan menghantar surat VAL kepada pelajar.
6. Pelajar akan membawa surat VAL ini ke Kedutaan Malaysia di negara masing-masing untuk mendapatkan SEV (Single Entry Visa). Seterusnya pelajar membeli tiket penerbangan dan memaklumkan pihak UPA KIAS 2 minggu sebelum ketibaan. Pihak UPA KIAS akan menjemput pelajar di pintu masuk (Lapangan Terbang KLIA1@KLIA2) untuk membantu pelajar mendapatkan Cop Masuk (Entry Stamp) dan Pas Khas (30 hari) dari pihak JIM Lapangan Terbang.
7. Setelah tiba di Malaysia, pelajar perlu sekali lagi membuat pemeriksaan kesihatan dengan klinik yang berdaftar dengan EMGS. Pelajar WAJIB lulus pemeriksaan kesihatan yang dijalankan di Malaysia dan sekiranya gagal pelajar tidak dibenarkan belajar dan visa pelajar tidak akan dikeluarkan oleh pihak JIM. Pelajar perlu pulang ke Negara asal sebelum tarikh Pas Khas tamat.
8. Sekiranya pemeriksaan kesihatan berjaya, pihak UPA KIAS akan menghantar salinan Cop Masuk (Entry Stamp) kepada pihak EMGS bagi tujuan pengeluaran Surat Sokongan Permohonan Stiker Pas Pelajar Antarabangsa.
9. Setelah surat sokongan ini dikeluarkan, pihak UPA KIAS akan membawa passport pelajar ke Pejabat Imigresen negeri bagi proses melekatkan Visa Pelajar ke dalam passport pelajar. Pelajar perlu membuat bayaran bagi permohonan ini berdasarkan kepada Negara masing-masing sebagaimana yang ditetapkan oleh JIM.
10. Setelah proses mendapatkan Visa Pelajar Antarabangsa selesai. Pelajar boleh membayar yuran pendaftaran dan yuran pengajian dan boleh memulakan pengajian di KIAS.